

1988 STYLING DENGAN KONSEP GURU
DENGAN SAMA-SAMA

WALTER GURKIN

PERENCANAAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

2000

ch: 8848

1100089106

Pusat Pembelajaran Digital Sultanah Nur Zahirah (UMT),
Universiti Malaysia Terengganu.

LP 64 FPE 2 2009



1100089106

Analisis terhadap peningkatan kualiti hidup penduduk Negeri Terengganu / Walter Guruwak.

**PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)
21030 KUALA TERENGGANU**

100089108

1100089105

Lihat Sebelah

HAK MILIK
PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH MUR ZAHIRAH

**ANALISIS TERHADAP PENINGKATAN KUALITI HIDUP
PENDUDUK NEGERI TERENGGANU**

**WALTER GURUWAK
SARJANA MUDA EKONOMI
(SUMBER ALAM)**

**KERTAS PROJEKINI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA EKONOMI
(SUMBER ALAM)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
(UMT)**

2009

PENGAKUAN

Saya akui kertas projek (EKN4399A/B) ini adalah hasil kajian saya sendiri kecuali sumber-sumber yang telah saya jelaskan rujukannya.

Tarikh: 26/04/09



WALTER GURUWAK

UK 14449

I hereby declare that this project paper (EKN4399A/B) is the result of my own investigation and findings, acceptwhere otherwise stated.

Date: 26/04/09



WALTER GURUWAK

UK 14449

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan syukur kepada Tuhan atas berkat dan restu daripadanya kepada saya sehingga saya telah berjaya menyiapkan kertas projek ini dengan baik. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada para pensyarah Universiti Malaysia Terengganu (UMT), bagi Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), khususnya kepada penyelia kertas projek ini iaitu Puan Noorhaslinda Bt Kulub Abd. Rashid di atas segala tunjuk ajar dan komitmen yang diberikan sepanjang saya menyiapkan kertas projek ini. Diharapkan agar kertas projek yang telah saya siapkan ini dapat memenuhi apa yang diharapkan oleh beliau dalam kertas projek ini.

Tidak lupa juga ucapan ribuan terima kasih kepada keluarga tercinta yang sentiasa memahami dan memberi dorongan yang positif kepada saya dalam menyiapkan kertas projek ini. Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih kepada para sahabat yang banyak membantu dalam menyiapkan kertas projek ini.

Akhir sekali, ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan kertas projek ini. Semoga apa yang telah saya siapkan ini dapat difahami dan diterima oleh semua untuk dijadikan panduan bersama.

Walter Guruwak
S. M.K. ULU SUGUT
P/S 234, 89308 RANAU SABAH

ABSTRAK

Kajian ini menganalisis tentang faktor-faktor yang menjadi penentu kepada peningkatan kualiti hidup penduduk Negeri Terengganu. Kajian Ini menumpukan kepada empat aspek utama iaitu profil atau atribut penduduk, peranan kerajaan, peranan komuniti dan demografik. Renwick (2006), mengatakan bahawa kesejahteraan hidup merupakan sesuatu perkara yang menyebabkan seseorang individu merasa seronok, bahagia dan merasakan hidupnya lebih bermakna. Manakala Siti Fatimah (2006), pula menjelaskan konsep kesejahteraan hidup atau kualiti hidup tersebut bukan semata-mata diukur dengan nilai material sahaja seperti pemilikan rumah, kenderaan, taraf pendidikan yang tinggi, tetapi juga merangkumi aspek-aspek yang tidak berbentuk material seperti perasaan kasih sayang, kemesraan, serta rasa belas kasihan antara individu. Oleh itu objektif utama kajian Ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti dan menganalisis faktor yang mempengaruhi peningkatan taraf hidup penduduk Malaysia khususnya penduduk tempatan Negeri Terengganu. Untuk mencapai objektif tersebut, analisis statistik lalu analisis korelasi Model Pearson telah digunakan dalam kajian Ini untuk melihat kekuatan hubungan antara pembolehubah bebas dengan pembolehubah bersandar. Hasil ujian statistik menunjukkan bahawa sebilangan besar daripada pembolehubah bebas yang digunakan mempunyai hubungan yang signifikan dengan pembolehubah bersandar lalu peningkatan kualiti hidup penduduk.

ABSTRACT

This study analyse about the factors that measure the quality of life in the society, especially in Terengganu. This study focus on four major point as the measurement of quality of life, such as the individual profile, the government role, the role of society, and demographic. According to Renwick (2006), quality of life can be defined as the something matters that causes the individual feel enjoyed, blissful, and feel that their life are meaningful. While Siti Fatimah (2006), says that the quality of life not only measured by the material value such as the houses, transport, and the education level that their have, but also include the term of non-material such as the love feeling, friendly, and the mercy feeling among the individual. By the way, the main objective of this study is to define and analyse the factors which influenced the improvement of the quality of life in the country especially the local society in Kuala Terengganu. To achieve this objective, the statistic analyses such as the analyses of Model Pearson Coleration are applied to define the significant of Independent variables and the dependent variable. The finding of the statistic analyses show that each of the independent variables are significant with the dependent variable namely the improvement of the quality of life.

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

| | |
|--------------------------|------|
| PENGAKUAN | i |
| PENGHARGAAN | ii |
| ABSTRAK | iii |
| ABSTRACT | iv |
| ISI KANDUNGAN | v |
| SENARAI JADUAL | viii |
| SENARAI RAJAH | ix |
| SENARAI SINGKATAN | x |

BAB 1 LATAR BELAKANG ORGANISASI

| | |
|--|---|
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.2 Latar Belakang Kajian | 2 |
| 1.3 Skop Kajian | 3 |
| 1.4 Permasalahan Kajian | 4 |
| 1.5 Objektif Kajian | 5 |
| 1.6 Kepentingan Kajian | 5 |
| 1.7 Jangkaan Hasil Kajian | 6 |
| 1.8 Pendekatan Kajian | 7 |
| 1.8.1 Peringkat pertama: Kajian Awal | 7 |
| 1.8.2 Peringkat Kedua: Kajian Literature | 7 |
| 1.8.3 Peringkat ketiga: Pengumpulan Data/Kaedah Kajian | 8 |
| 1.8.4 Peringkat keempat: Analisis Data dan Penemuan Kajian | 8 |

| | |
|--|---|
| 1.8.5 Peringkat Kelima: Hasil Akhir dan Cadangan | 9 |
| 1.9 Kesimpulan | 9 |

BAB 2 SOROTAN KAJIAN

| | |
|---|----|
| 2.1 Pengenalan | 10 |
| 2.2 Definisi Kualiti Hidup | 11 |
| 2.3 Indikator Yang Mempengaruhi Peningkatan kualiti Hidup | 12 |
| 2.3.1 Komponen Serta Indikator Kualiti Hidup | 14 |
| 2.4 Kesimpulan | 18 |

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

| | |
|--------------------------------|----|
| 3.1 Pengenalan | 19 |
| 3.2 Reka Bentuk Kajian | 19 |
| 3.3 Populasi dan Persampelan | 21 |
| 3.4 Instrumen Kajian | 21 |
| 3.4.1 Draf Borang Soal Selidik | 22 |
| 3.5 Kebolehpercayaan Instrumen | 24 |
| 3.6 Meramal Skrol | 25 |
| 3.7 Pengumpulan Data | 25 |
| 3.8 Penganalisisan Data | 25 |
| 3.9 Kesimpulan | 26 |

BAB 4 HASIL KEPUTUSAN KAJIAN

| | |
|--------------------------------------|----|
| 4.1 Pengenalan | 27 |
| 4.2 Keputusan Ujian Kebolehpercayaan | 27 |
| 4.3 Maklumat Demografi Responden | 28 |
| 4.4 Analisis Kolerasi | 31 |
| 4.5 Analisis Peranan Komuniti | 32 |
| 4.6 Kesimpulan | 35 |

BAB 5 RUMUSAN KAJIAN DAN IMPLIKASI DASAR

| | |
|---|----|
| 5.1 Pengenalan | 36 |
| 5.2 Rumusan Hasil Kajian | 37 |
| 5.2.1 Analisis Demografi Responden | 37 |
| 5.2.2 Analisis Faktor Peningkatan Kualiti Hidup | 37 |
| 5.3 Implikasi Dasar Dan Cadangan | 38 |
| 5.4 Kesimpulan | 41 |

| | |
|------------------------|----|
| SENARAI RUJUKAN | 42 |
|------------------------|----|

| | |
|-----------------|----|
| LAMPIRAN | 44 |
|-----------------|----|

SENARAI JADUAL

| NO.JADUAL | MUKA SURAT |
|--|-------------------|
| 1. Kompenen Dan Petunjuk Kualiti Hidup | 14 |
| 2. Keputusan Ujian Kebolehpercayaan | 28 |
| 3. Profil Demografi Responden | 28 |
| 4. Kolerasi Separa Bagi Profil Penduduk, Peranan Kerajaan Dan Peranan Komuniti | 32 |

SENARAI RAJAH

| NO.RAJAH | MUKA SURAT |
|---------------------------|-------------------|
| 1. Kerangka Konsep Kajian | 20 |

SENARAI SINGKATAN/KEPENDEKAN

| | |
|--------|---|
| IKHM | Indeks Kualiti Hidup Malaysia |
| DPN | Dasar Pembangunan Nasional |
| RM | Ringgit Malaysia |
| SPSS | <i>Statistical Packages for Social Science</i> |
| SPF-IL | <i>Social production function instrument for the level of wellbeing</i> |
| IPT | Institut pengajian tinggi |
| NGO | <i>Non government organization</i> |

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENGENALAN

Kualiti hidup merupakan satu aspek yang merangkumi kemajuan diri, gaya hidup yang sihat, kecapaian dan kebebasan untuk memperolehi pengetahuan dan menikmati taraf hidup yang melebihi daripada keperluan asas dan psikologi individu, untuk mencapai tahap kesejahteraan sosial yang seiring dengan hasrat negara iaitu memperkasakan modal insan. Apabila kehidupan sesebuah masyarakat beralih kepada suasana kehidupan yang pada amnya lebih baik daripada keadaan sebelumnya, maka kualiti hidup penduduk tersebut dianggap telah meningkat.

Ramai penulis dan penyelidik memperkatakan tentang konsep kualiti atau kesejahteraan hidup. Umpamanya Renwick (2006) mengatakan bahawa, kesejahteraan hidup merupakan sesuatu perkara yang menyebabkan seseorang individu merasa seronok, bahagia dan merasakan hidupnya lebih bermakna. Manakala Norizan (2003), dalam kajiannya membahagikan kesejahteraan hidup itu kepada dua kategori kualiti, iaitu kualiti hidup objektif dan kualiti hidup subjektif. Menurut beliau kualiti hidup objektif bermaksud keperluan hidup yang dapat dikecapi oleh individu dan dapat dilihat secara luaran seperti pendapatan, perumahan, kesihatan dan pendidikan. Kualiti hidup subjektif pula ialah kepuasan dan nikmat hidup yang dirasai oleh individu seperti berasa seronok dan bersyukur kerana mempunyai pekerjaan yang baik, anak-anak yang berjaya dan mempunyai keluarga yang bahagia. Beliau menjelaskan lagi kesejahteraan hidup adalah merupakan kualiti hidup subjektif kerana kesejahteraan itu adalah kemuncak kepada kepuasan dan kebaikan manusia.

Dalam ucapan bajet 2008 oleh Yang Amat Berhormat Dato Sri Abdullah Bin Hj. Ahmad Badawi selaku Perdana Menteri Malaysia yang juga bertindak sebagai menteri kewangan negara, mengatakan bahawa “Modal insan berkualiti adalah antara faktor terpenting dalam memastikan Malaysia mencapai matlamat untuk menjadi sebuah negara maju” Sehubungan dengan itu, beliau telah menggariskan beberapa aspek yang

perlu diberi perhatian untuk memastikan kualiti hidup penduduk sentiasa terjamin untuk mencapai hasrat negara itu sendiri iaitu memperkasakan modal insan yang berkualiti dan berdaya saing yang tinggi dalam semua bidang.

Dalam ilmu ekonomi pula, kualiti hidup individu atau penduduk yang tinggi merupakan aset terpenting bagi memastikan pertumbuhan dan pembangunan ekonomi negara yang kukuh. Hal demikian kerana dalam ilmu ekonomi itu sendiri menjelaskan tentang bagaimana individu atau masyarakat mengurus dan mentadbir sumber ekonomi yang secara relatifnya bersifat '*limited supply*' untuk memaksimumkan pengeluaran barang dan perkhidmatan bagi memenuhi tingkat kepuasan individu itu sendiri. Oleh itu, untuk memastikan sumber yang terhad ini dapat mengeluarkan output yang optimum sememangnya memerlukan individu yang berkualiti tinggi khususnya dalam bidang ilmu ekonomi.

Di samping itu, kualiti hidup penduduk yang tinggi dalam sesebuah negara juga secara langsung menggambarkan keadaan sosioekonomi dan politik negara tersebut berada dalam keadaan yang sihat.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN.

Walaupun secara keseluruhan Indeks Kualiti Hidup Penduduk Malaysia (IKHPM) 2007, melaporkan bahawa kualiti hidup penduduk Malaysia berada dalam keadaan yang sentiasa bertumbuh setiap tahun, namun kajian secara lebih terperinci perlu dilaksanakan untuk mengenalpasti dan menganalisis tentang angkubah-angkubah yang terlibat dalam peningkatan kualiti hidup penduduk tersebut. Oleh itu, dalam kajian ini lebih memfokus kepada analisis terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi peningkatan kualiti hidup masyarakat serta melihat kekuatan hubungan antara faktor kualiti hidup dengan peningkatan kualiti hidup penduduk itu sendiri.

Menurut ucapan Dato' Mustapa Bin Mohamed dalam laporan kualiti hidup Malaysia 2007, Peningkatan kualiti hidup rakyat Malaysia secara berterusan dalam tempoh Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (1991-2000) dan dua tahun pertama Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (2001-2010) terhasil daripada pencapaian ekonomi yang kukuh, suasana politik yang stabil, kepimpinan yang

berkesan, serta keamanan dan perpaduan yang wujud dikalangan rakyat. Di samping itu, kerajaan juga mengutamakan kesejahteraan rakyat dalam semua initiative pembangunannya selaras dengan penekanan yang diberikan Perdana Menteri YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi terhadap usaha mempertingkatkan tahap kehidupan rakyat.

Dalam kajian ini, tiga aspek utama yang menjadi fokus kajian sebagai faktor peningkatan kualiti hidup iaitu profil atau atribut penduduk, peranan kerajaan, serta peranan komuniti dalam meningkatkan tahap kualiti hidup penduduk dalam sesebuah negeri.

Profil penduduk merujuk kepada perkara-perkara seperti pendapatan, perbelanjaan, simpanan, pemilikan rumah, tanah, kenderaan, kemudahan dan peralatan nelayan, kesihatan dan pendidikan. Manakala peranan kerajaan pula terdiri daripada penyediaan prasarana, kursus dan latihan, khidmat nasihat, penguatkuasaan, serta penyelidikan dan pembangunan terhadap kualiti hidup penduduk. Sementara itu, peranan komuniti pula merangkumi perkara-perkara yang berkaitan dengan keamanan dan keharmonian masyarakat, tali persaudaraan di kalangan anggota masyarakat, semangat kerjasama, masalah sosial, tahap pendidikan anggota masyarakat, serta kerja-kerja kebajikan yang diusahakan oleh masyarakat setempat. Dalam kajian ini, peranan komuniti dianggap sebagai *moderator* kepada hubungan antara faktor-faktor penentu dengan kesejahteraan hidup

1.3 SKOP KAJIAN.

Dalam melaksanakan kajian ini, skop kajian yang dipilih adalah Negeri Terengganu, Terengganu Darul Iman. Ini bermakna data-data yang berkaitan dengan kajian ini diperolehi daripada sampel responden yang terdiri daripada penduduk yang tinggal di kawasan bandar dan juga penduduk yang tinggal di kawasan pedalaman atau kampung Kuala Terengganu, khususnya bagi pengumpulan data primer. Di samping itu bagi data sekunder pula, ia diperolehi daripada jabatan-jabatan tertentu seperti Jabatan Unit Perancangan Ekonomi Negeri Terengganu, Jabatan Pembangunan Manusia, dan sebagainya.

Antara sebab atau faktor pengkaji memilih Negeri Terengganu sebagai skop kajian adalah bagi memudahkan pengkaji mendapatkan maklumat atau data-data yang berkaitan dengan topik atau isu yang ingin dibincangkan dalam kajian ini. Hal tersebut termasuklah dapat menjimatkan kos, masa dan tenaga pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang penting untuk mencapai objektif kajian.

Selain daripada kawasan kajian, skop kajian ini juga merangkumi tiga aspek yang utama sebagai penentu kepada peningkatan kualiti hidup penduduk seperti aspek profil penduduk, peranan kerajaan, serta peranan komuniti dalam meningkatkan kualiti hidup penduduk.

1.4 PERMASALAHAN KAJIAN.

Tujuan utama kajian ini dilakukan adalah untuk mengenalpasti dan menganalisis tentang faktor-faktor yang mempengaruhi peningkatan kualiti hidup penduduk dalam sesebuah negeri. Oleh itu, berikut merupakan persoalan atau permasalahan kajian yang dikemukakan dalam kajian ini.

- i. Sukar untuk meningkatkan tahap kualiti hidup penduduk kerana tahap pemahaman dan kesedaran masyarakat tentang mustahaknya kualiti hidup, masih pada tahap yang lemah.
- ii. Pihak kerajaan khususnya sukar membuat keputusan dalam usaha meningkatkan kualiti hidup penduduk kerana tafsiran dan keperluan penduduk tentang kualiti hidup adalah pelbagai.
- iii. Apakah faktor utama yang mempengaruhi peningkatan kualiti hidup penduduk.
- iv. Apakah masalah yang wujud kesan daripada pembangunan taraf hidup yang tidak seimbang dalam sesebuah kawasan.

1.5 **OBJEKTIF KAJIAN.**

Objektif Umum.

Secara umumnya, kajian ini akan mengenalpasti dan menganalisis faktor yang mempengaruhi peningkatan taraf hidup penduduk Malaysia khususnya penduduk tempatan Negeri Terengganu.

Objektif Khusus.

- i. Mengenalpasti apakah faktor utama yang mempengaruhi peningkatan kualiti hidup.
- ii. Menilai sejauh mana tahap kesedaran masyarakat terhadap mustahaknya kauliti hidup, mempengaruhi peningkatan kualiti hidup.

1.6 **KEPENTINGAN KAJIAN.**

Fokus utama kajian ini adalah untuk menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi peningkatan kualiti hidup penduduk Malaysia khususnya penduduk tempatan Kuala Terengganu. Dengan itu, antara kepentingan kajian ini adalah untuk mencari dan mengenalpasti faktor utama yang mempengaruhi peningkatan kualiti hidup penduduk tersebut. Apabila faktor tersebut dikenalpasti maka pihak kerajaan secara tidak langsung mempunyai satu panduan untuk merangka dasar atau polisi yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup penduduk, sebagai contoh memastikan tingkat agihan pendapatan dalam ekonomi diagihkan dengan adil dan saksama.

Di samping itu, kajian ini juga penting untuk dijadikan sebagai satu alat medium perantaraan antara masyarakat dengan pihak kerajaan. Maksudnya di sini, dengan adanya kajian ini, maka para penduduk akan dapat meluahkan rasa tidak puas hati mereka terhadap dasar atau polisi yang dirangka oleh kerajaan. Di samping itu, para penduduk juga dapat menyuarakan pendapat atau cadangan mereka mengenai isu kualiti hidup dalam kajian seperti ini.

1.7 JANGKAAN HASIL KAJIAN.

Berdasarkan kepada objektif yang telah digariskan dalam kajian ini, diharapkan agar kajian ini dapat mengenalpasti dan menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi peningkatan kualiti hidup penduduk yang dinilai berdasarkan kepada setiap aspek kualiti hidup yang dinyatakan dalam kajian ini. Dengan kata lain, jangkaan awal bagi hasil kajian ini adalah supaya setiap objektif yang dinyatakan dalam kajian ini akan tercapai.

Selain itu, dijangkakan bahawa kajian ini dapat melihat sejauh mana faktor-faktor tersebut memberi kesan ke atas peningkatan kualiti hidup penduduk. Keputusan ini dibuat berdasarkan kepada hasil analisis data yang diperolehi daripada output SPSS. Ini kerana dalam output SPSS, kita dapat melihat kekuatan hubungan antara setiap pembolehubah bebas dengan pembolehubah bersandar melalui jadual anova dalam output SPSS tersebut. Di samping itu, keputusan tersebut juga secara tidak langsung dapat membantu pengkaji untuk membuat keputusan tentang faktor utama yang mempengaruhi peningkatan kualiti hidup penduduk.

Di samping itu, diharapkan juga agar kajian ini turut dapat melihat kekuatan hubungan antara kualiti hidup penduduk dengan tingkat pertumbuhan ekonomi sesebuah negeri. Hal demikian kerana, kebanyakannya daripada ahli-ahli atau teori ekonomi itu sendiri mengatakan bahawa produktiviti penduduk atau kualiti hidup penduduk yang tinggi berperanan penting dalam pertumbuhan ekonomi dalam negara, di samping faktor-faktor lain seperti modal, bahan mentah, tingkat teknologi dan sebagainya.

1.8 PENDEKATAN KAJIAN;

Pendekatan kajian yang digunakan dalam kajian ini dibahagikan kepada beberapa peringkat seperti berikut;

- i. Peringkat pertama : kajian awalan / latar belakang kajian.
- ii. Peringkat kedua : Kajian literatur;
- iii. Peringkat ketiga : pengumpulan data / kaedah kajian.
- iv. Peringkat keempat : Analisis data dan penemuan kajian;
- v. Peringkat kelima : Hasil akhir dan cadangan

1.8.1 Peringkat Pertama: Kajian Awalan.

Dalam peringkat ini, kajian yang dilakukan lebih memfokus kepada analisis terhadap konsep kualiti hidup itu sendiri mengikut pandangan daripada beberapa penyelidik yang mengkaji tentang kualiti hidup tersebut. Di samping itu, dalam peringkat ini juga memperkenalkan beberapa pembolehubah bebas yang berkaitan dengan tajuk kajian. Selain daripada itu, matlamat dan objektif juga dibentuk dalam peringkat ini sebagai panduan untuk menjalankan kajian ini.

1.8.2 Peringkat Kedua: Kajian literature.

Peringkat ini pula lebih menjurus kepada bukti-bukti yang diambil daripada para pengkaji lepas, atau sumber-sumber tertentu yang dapat menyokong tajuk kajian. Ini bermakna dalam bahagian ini, menerangkan tentang sorotan kajian yang berkaitan dengan konsep kualiti hidup itu sendiri serta pembolehubah-pembolehubah yang digunakan sebagai variable dalam kajian ini mengikut kepada hasil kajian lepas yang dilakukan oleh para pengkaji lepas.

1.8.3 Peringkat Ketiga: Pengumpulan Data / Kaedah Kajian.

Peringkat ini melibatkan pengumpulan data sekunder dan primer. Maklumat sekunder diperolehi daripada agensi kerajaan yang berkaitan dengan maklumat asas kawasan kajian. Antara maklumat-maklumat tersebut adalah berkaitan dengan latarbelakang serta skop kajian yang dilakukan. Pengumpulan maklumat ini dibuat melalui bahan-bahan bercetak seperti buku rujukan, jurnal, surat khabar, majalah, laporan serta bahan-bahan elektronik [internet] dan temubual.

Maklumat primer diperolehi melalui kaedah kajian lapangan. Dua kaedah digunakan iaitu kaedah pengamatan atau pemerhatian dan kaedah temubual soalselidik. Kaedah pengamatan kawasan kajian ini adalah untuk melihat aspek komuniti di kalangan penduduk. Ia dilakukan untuk mendapatkan pengalaman dan penghayatan sendiri ketika melalui kawasan tersebut bagi mengetahui tahap komuniti yang wujud di kawasan kajian. Kajian temubual soalselidik ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang merangkumi profail penduduk, pandangan terhadap peranan pihak kerajaan, serta pandangan terhadap peranan komuniti, dalam usaha meningkatkan kualiti hidup tersebut.

Selain itu, bahagian ini juga menerangkan tentang analisis ekonomi yang digunakan dalam kajian ini seperti analisis frekuensi, analisis kolerasi, dan sebagainya.

1.8.4 Peringkat Keempat: Analisis Data dan Penemuan Kajian.

Data-data yang diperolehi akan dianalisis dalam bahagian ini dengan menggunakan perisian SPSS. Hasil analisis tersebut seterusnya akan digunakan untuk mengetahui sama ada wujud hubungan antara pembolehubah bersandar dengan pembolehubah bebas atau sebaliknya. Di samping itu, hasil analisis tersebut juga secara tidak langsung dapat mengukur kekuatan hubungan antara kedua-dua pembolehubah tersebut.

1.8.5 Peringkat Kelima: Hasil Akhir dan Cadangan.

Dalam bahagian ini, akan menerangkan tentang hasil akhir kajian yang secara tidak langsung akan menjawap atau mencapai objektif kajian yang digariskan dalam kajian ini. Selain itu, cadangan terhadap langkah-langkah yang wajar dilakukan untuk meningkatkan lagi kualiti hidup penduduk tersebut juga diusulkan dalam bahagian ini.

1.9 KESIMPULAN.

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa isi kandungan dalam bab ini banyak menerangkan tentang latar belakang kajian yang merujuk kepada apa tujuan atau fokus utama dalam kajian ini. Di samping itu, dalam bab ini juga, menghuraikan tentang skop kajian yang dilakukan iaitu, merujuk kepada kawasan atau jenis responden yang digunakan dalam kajian ini.

Selain daripada itu, dalam bab ini juga penulis telah menggariskan beberapa objektif atau matlamat yang ingin dicapai dalam kajian ini. Di mana, antara objektif umum dalam kajian ini adalah penulis ingin menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi peningkatan kualiti hidup penduduk dengan melihat kekuatan hubungan antara faktor tersebut dengan beberapa aspek kualiti hidup yang diambil kira dalam kajian ini.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 PENGENALAN.

Sorotan kajian ini terbahagi kepada beberapa bahagian yang akan menjelaskan mengenai peningkatan kualiti hidup penduduk Malaysia, khususnya penduduk tempatan Negeri Terengganu. Bahagian pertama menerangkan tentang definisi, matlamat, konsep serta indikator yang digunakan dalam mengukur peningkatan kualiti hidup tersebut.

Di samping itu, bahagian ini juga menerangkan tentang kaedah atau model yang digunakan oleh para pengkaji lepas dalam mencapai objektif kajian yang dijalankan termasuklah analisis ekonomi seperti analisis frekuensi, kolerasi, dan sebagainya.

Tujuan bab ini adalah untuk memberi kefahaman yang baik tentang tajuk yang dikaji dan dijadikan sebagai panduan kepada soalselidik yang akan dilaksanakan oleh penulis kelak.

2.2 DEFINISI KUALITI HIDUP.

Laporan Kualiti Hidup Malaysia 2007, mendefinisikan kualiti hidup tersebut sebagai satu bidang yang merangkumi kemajuan diri, gaya hidup yang sihat, akses dan kebebasan untuk mendapatkan pengetahuan dan menikmati taraf hidup yang melebihi keperluan asas dan psikologi individu, untuk mencapai tahap kesejahteraan sosial yang seiring dengan hasrat negara iaitu ingin memperkasakan modal insan. Dalam laporan tersebut juga menyatakan bahawa apabila kehidupan seseorang individu beralih kepada suasana kehidupan yang pada amnya lebih baik daripada keadaan sebelumnya, maka kualiti hidupnya dianggap telah meningkat.

Ramai penulis dan penyelidik memperkatakan tentang konsep kualiti atau kesejahteraan hidup. Antaranya adalah Renwick (2006) yang mengatakan kesejahteraan hidup merupakan sesuatu perkara yang menyebabkan seseorang merasa seronok, bahagia dan merasakan hidupnya lebih bermakna. Norizan (2003), pula dalam kajiannya membahagikan kesejahteraan hidup itu kepada dua kategori kualiti, yang utama iaitu kualiti hidup objektif dan kualiti hidup subjektif. Menurut beliau kualiti hidup objektif bermaksud keperluan hidup yang dapat dikecapi oleh individu dan dapat dilihat secara luaran seperti pendapatan, perumahan, kesihatan dan pendidikan. Manakala kualiti hidup subjektif pula ialah kepuasan dan nikmat hidup yang dirasai oleh individu seperti berasa seronok dan bersyukur kerana mempunyai pekerjaan yang baik, anak-anak yang berjaya dan mempunyai keluarga yang bahagia. Beliau menjelaskan lagi bahawa kesejahteraan hidup merupakan kualiti hidup subjektif kerana kesejahteraan itu adalah kemuncak kepada kepuasan dan kebaikan manusia.

Siti Fatimah (2006), pula menjelaskan konsep kesejahteraan hidup atau kualiti hidup tersebut bukan semata-mata diukur dengan nilai material sahaja seperti pemilikan rumah, kenderaan, taraf pendidikan yang tinggi tetapi ianya juga merangkumi aspek-aspek yang tidak berbentuk material seperti perasaan kasih sayang, kemesraan, rasa belas kasihan antara individu dan sentiasa berlapang dada.

Secara lebih khusus kualiti hidup Malaysia ditakrifkan sebagai satu bidang yang merangkumi kemajuan diri, gaya hidup yang sihat, akses dan kebebasan memperolehi pengetahuan serta taraf kehidupan yang melebihi keperluan asas individu dan memenuhi keperluan psikologi untuk mencapai tahap kesejahteraan sosial sesuai dengan aspirasi negara

2.3 INDIKATOR ATAU FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PENINGKATAN KUALITI HIDUP.

Selain daripada memperkatakan tentang definisi dan konsep kesejahteraan hidup, sorotan karya juga melihat tentang metodologi kajian dan pembolehubah-pembolehubah yang digunakan dalam kajian berhubung dengan kesejateraan hidup. Sebagai contoh, Pollnac *et al.* (2001), Binkley (1995) dan Gatewood *et al.* (1990), mengatakan faktor-faktor seperti profil individu, masalah sosial dan struktur komuniti mempengaruhi kesejahteraan hidup secara menyeluruh. Profil penduduk merujuk kepada perkara-perkara seperti pendapatan, perbelanjaan, simpanan, pemilikan rumah, tanah, kenderaan, serta kesihatan dan pendidikan yang dimiliki oleh individu. Manakala peranan kerajaan pula terdiri daripada penyediaan prasarana, kursus dan latihan, khidmat nasihat, pemasaran, penguatkuasaan, serta penyelidikan dan pembangunan terhadap kualiti hidup penduduk. Sementara itu, peranan komuniti pula merangkumi perkara-perkara yang berkaitan dengan keamanan dan keharmonian masyarakat, tali persaudaraan di kalangan anggota masyarakat, semangat kerjasama, masalah sosial, tahap pendidikan anggota masyarakat, serta kerja-kerja kebajikan yang diusahakan oleh masyarakat setempat sebagai *moderator* kepada hubungan antara faktor-faktor penentu dengan kesejahteraan hidup.

Li (2006) dalam kajian ke atas kesejahteraan hidup di China telah menggunakan lima domain kehidupan yang utama iaitu kesihatan, keluarga, hubungan sosial, pekerjaan dan alam sekitar sebagai pembolehubah dalam menentukan tahap kesejahteraan hidup penduduk tempatan. Hasil kajian beliau mendapati bahawa kesemua pembolehubah tersebut sangat signifikan dengan pembolehubah bersandar iaitu peningkatan taraf atau kualiti hidup penduduk. Ini bermaksud, domain kehidupan yang digunakan oleh beliau dalam kajiannya, didapati

mempunyai kesan yang positif terhadap peningkatan kualiti hidup penduduk tempatan. Namun demikian, melalui keputusan analisis yang telah dibuat, beliau mendapati bahawa domain kehidupan seperti pekerjaan dan keluarga lebih mempengaruhi peningkatan kualiti hidup berbanding dengan pembolehubah yang lain. Hal demikian kerana, Negara China merupakan antara negara yang mempunyai kepadatan penduduk yang tertinggi di dunia. Oleh itu, untuk memastikan taraf atau kualiti hidup berada dalam keadaan yang baik, para penduduk terpaksa bersaing untuk mendapatkan pekerjaan yang baik untuk menampung kos hidup yang tinggi. Dalam hal keluarga pula, ia berkaitan dengan dasar negara itu sendiri yang menetapkan jumlah anggota keluarga dalam sesebuah rumah iaitu menetapkan dua orang anak dalam satu pasangan suami isteri. Melalui dasar tersebut, kos hidup atau perbelanjaan dalam sesebuah keluarga dapat dirancang dengan mudah dengan kos yang rendah.

Nieboer *et al.* (2005) pula menggunakan pencapaian matlamat, tingkah laku, status dan keselesaan sebagai petunjuk kepada kesejahteraan hidup. Dalam kajiannya beliau menggunakan *structural equation modeling* untuk menguji model yang telah dibentuk. Di samping itu, beliau juga menggunakan pendekatan teori SPF-IL “*Social Production Function Instrument for the Level of wellbeing*,” untuk melihat sejauh mana pembolehubah bebas mempengaruhi pembolehubah bersandar. Melalui keputusan yang diperolehi, didapati bahawa tingkah laku merupakan antara faktor utama yang mempengaruhi peningkatan kesejahteraan hidup dalam sesebuah masyarakat. Hal ini disebabkan oleh sikap atau tingkah laku individu yang positif turut mendorong kepada peningkatan taraf hidup yang positif. Selain itu, penulis juga mendapati bahawa kerja yang baik juga dapat menjamin kepada kehidupan yang baik bagi individu yang bekerja. Seterusnya melalui analisis yang dibuat, penulis juga mendapati bahawa aktiviti pada masa lapang juga antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan tahap kesejahteraan hidup bagi sesetengah individu. Khususnya bagi pengukuran kualiti hidup subjektif seperti kepuasan dan nikmat hidup yang dirasai oleh seseorang individu, di mana kualiti hidup tersebut hanya dapat dicapai oleh individu dengan cara yang tersendiri tanpa dipengaruhi oleh kuasa-kuasa tertentu.

Para penyelidik seperti Norizan (2003), Calvert *et al.* (2000) dan Polnac *et al.* (2001), menggunakan faktor pendapatan, pendidikan, kesihatan, perumahan, pengangkutan dan komunikasi, keamanan dan keselamatan, keluarga, persekitaran kerja dan penyertaan sosial sebagai peramal kepada kesejahteraan hidup. Para penyelidik tersebut mendapati bahawa kesemua faktor tersebut sangat signifikan dengan tahap kesejahteraan hidup seseorang individu. Ini bermaksud, untuk menjamin peningkatan kualiti hidup yang positif tingkat pendapatan, pendidikan, kesihatan, perumahan, pengangkutan dan komunikasi, keamanan dan keselamatan, keluarga, persekitaran kerja dan penyertaan sosial di kalangan penduduk mestilah berada dalam keadaan yang memuaskan.

2.3.1 Komponen Serta Indikator Kualiti Hidup.

Dalam laporan kualiti hidup penduduk Malaysia 2007, kualiti hidup penduduk Malaysia diukur dengan menggunakan 42 petunjuk mewakili sebelas komponen kehidupan. Komponen tersebut adalah pendapatan dan pengagihan, persekitaran kerja, pengangkutan dan komunikasi, kesihatan, pendidikan, perumahan, alam sekitar, kehidupan keluarga, penyertaan social, keselamatan awam, dan kebudayaan dan hiburan. Petunjuk tersebut dipilih berdasarkan kepentingan dan sejauh mana ianya mencerminkan aspek kehidupan penduduk dalam sesebuah negeri. Komponen serta petunjuk tersebut dapat diringkaskan seperti berikut.

JADUAL 1: Kompenen Dan Petunjuk Kualiti Hidup

| KOMPONEN | PETUNJUK |
|---------------------------|--|
| Pendapatan dan Pengagihan | <ul style="list-style-type: none">➤ Pendapatan per kapita sebenar➤ Pekali Gini➤ Kadar kemiskinan |

| | |
|---------------------------|---|
| Persekutaran Kerja | <ul style="list-style-type: none"> ➤ Kadar pengangguran ➤ Persekutaran Kerja ➤ Kehilangan Hari Bekerja kerana Tindakan Perusahaan ➤ Kadar Kemalangan Perusahaan |
| Pengangkutan & Komunikasi | <ul style="list-style-type: none"> ➤ Kereta & Motosikal Persendirian ➤ Kenderaan Perdagangan ➤ Indeks Pembangunan Jalan Raya ➤ Telefon ➤ Pelanggan Internet ➤ Edaran Purata Akhbar Harian |
| Kesihatan | <ul style="list-style-type: none"> ➤ Jangka Hayat Semasa Lahir Bagi Lelaki ➤ Jangka Hayat Semasa Lahir Bagi Perempuan ➤ Kadar Kematian Bayi ➤ Nisbah Doktor-Penduduk |

| | |
|--------------------|--|
| Pendidikan | <ul style="list-style-type: none"> ➤ Kadar Celik Huruf ➤ Kadar Penyertaan Prasekolah ➤ Kadar Penyertaan Sekolah Menengah ➤ Kadar Penyertaan Universiti ➤ Nisbah Guru-Pelajar Sekolah Rendah ➤ Nisbah Guru-Pelajar Sekolah Menengah |
| Perumahan | <ul style="list-style-type: none"> ➤ Purata Harga Rumah bagi Rumah Kos Rendah ➤ Unit Rumah dengan Bekalan Air Paip ➤ Unit Rumah dengan Bekalan Elektrik |
| Alam Sekitar | <ul style="list-style-type: none"> ➤ Kualiti Udara ➤ Kualiti Air ➤ Kawasan Berhutan |
| Kehidupan Keluarga | <ul style="list-style-type: none"> ➤ Perceraian ➤ Kadar Kelahiran Kasar |

| | |
|----------------------|--|
| | <ul style="list-style-type: none"> ➤ Saiz Isirumah ➤ Jenayah Juvana |
| Penyertaan Sosial | <ul style="list-style-type: none"> ➤ Pengundi Berdaftar ➤ Keahlian Pertubuhan Bukan Bermotif Keuntungan yang Berdaftar ➤ Persatuan Penduduk Berdaftar |
| Keselamatan Awam | <ul style="list-style-type: none"> ➤ Jenayah ➤ Kemalangan Jalan Raya |
| Kebudayaan & Liburan | <ul style="list-style-type: none"> ➤ Keahlian Perpustakaan Awam ➤ Penonton Televisyen ➤ Penginap Hotel Domestik |

(Laporan Kualiti Hidup 2007)

2.4 KESIMPULAN.

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa dalam bahagian ini banyak menghuraikan tentang kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk kajian iaitu analisis terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi peningkatan kualiti hidup penduduk dalam sesebuah negara, negeri atau kawasan.

Selain daripada menerangkan tentang definisi tajuk, bahagian ini juga telah menghuraikan tentang hasil penemuan oleh para pengkaji lepas tentang faktor-faktor yang mempengaruhi peningkatan kualiti atau kesejahteraan hidup bagi sesebuah lapisan masyarakat. Di samping itu, bab ini juga telah menghuraikan tentang teori atau kaedah yang digunakan oleh para pengkaji tersebut dalam membuat keputusan dalam menjawap setiap persoalan yang diketengahkan dalam bidang kajian masing-masing.

BAB 3


METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Kaedah penyelidikan juga dikenali sebagai metodologi kajian adalah salah satu aspek penting bagi sesuatu kajian. Menurut Ahmad Mahzan (1997), kaedah penyelidikan ialah segala langkah atau prosedur yang diambil untuk mencapai segala objektif penyelidikan. Oleh yang demikian, bab ini akan membincangkan langkah-langkah yang akan diambil dalam memastikan keselarasan pengukuran dengan objektif dan hipotesis yang hendak diuji. Antara aspek yang akan diambil kira ialah reka bentuk kajian, pemilihan lokasi kajian, pemilihan populasi dan sampel kajian, instrumen kajian yang digunakan, proses pengumpulan data dan proses menganalisis data.

3.2 REKABENTUK KAJIAN

Rekabentuk kajian yang akan dijalankan ialah berbentuk kuantitatif iaitu beberapa kaedah digunakan untuk mendapatkan data dan maklumat sama ada melalui pemerhatian, soal-selidik dan temuramah peribadi. Bagi mendapatkan data yang terperinci daripada responden mengenai isu kajian, kaedah soal selidik akan digunakan. Responden yang terdiri daripada penduduk tempatan Kuala Terengganu akan diberi satu set borang soal selidik untuk mendapatkan maklum balas daripada responden. Temuramah peribadi akan dijalankan terhadap responden dengan cara bersemuka iaitu berkomunikasi dan berinteraksi. Berikut merupakan kerangka konsep kajian bagi penyelidikan ini.



Rajah 1: Kerangka konsep kajian

Merujuk kepada rajah 1 di atas, analisis terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi peningkatan kualiti hidup penduduk Negeri Terengganu, dikaitkan dengan tiga aspek yang utama iaitu profil penduduk, peranan komuniti, serta peranan pihak kerajaan dalam usaha meningkatkan kualiti hidup di kalangan penduduk tempatan.

Aspek profil atau atribut penduduk merujuk kepada tingkat pendapatan individu tersebut, perbelanjaan, simpanan, pemilikan rumah dan tanah, serta bilangan atau jenis kenderaan yang dimiliki. Manakala peranan komuniti pula merujuk kepada keamanan dan keharmonian yang dicapai oleh masyarakat setempat, semangat kerjasama, masalah sosial dan kerja-kerja kebajikan yang diusahakan oleh masyarakat setempat. Seterusnya peranan pihak kerajaan yang dianalisis dalam kajian ini termasuklah aspek penyediaan prasarana, tawaran kursus dan latihan, khidmat nasihat, pemasaran, penguatkuasaan, serta penyelidikan dan pembangunan yang dijalankan sebagai usaha untuk meningkatkan kualiti hidup penduduk dalam sesebuah kawasan.

3.3 POPULASI DAN PERSAMPELAN

Populasi sampel kajian yang diambil ialah di kalangan penduduk bandar dan luar bandar Kuala Terengganu. Memandangkan jumlah penduduk Kuala Terengganu adalah ramai maka populasi sampel hanya dihadkan kepada 100 orang responden sahaja.

Teknik persampelan yang digunakan dalam kajian ini adalah persampelan berserata. Ini bermaksud, responden yang dipilih dalam kajian ini adalah terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat yang dikategorikan kepada beberapa kumpulan mengikut status responden itu sendiri. Sebagai contoh, sebahagian daripada responden tersebut terdiri daripada pelajar IPT, masyarakat yang berkerja dalam perkhidmatan awam, swasta dan sebagainya. Tujuan pemilihan responden tersebut adalah untuk mandapatkan maklum balas yang berbeza daripada responden tentang isu yang dikenyah dalam kajian ini di samping dapat mengurangkan 'bias' dalam keputusan akhir kajian ini.

3.4 INSTRUMEN KAJIAN

Selepas memilih sampel kajian tersebut, responden akan diberi satu set instrumen atau set borang soal selidik yang mengandungi beberapa soalan untuk mengukur sejauh mana pengetahuan atau tahap kesedaran masyarakat terhadap peningkatan kualiti hidup mereka sendiri. Borang soal selidik ini terbahagi kepada empat bahagian yang utama iaitu bahagian A adalah pernyataan yang berkaitan dengan latar belakang responden. Manakala bahagian B adalah soalan-soalan atau pernyataan yang berkaitan dengan profil atau atribut responden. Seterusnya bahagian C, adalah soalan-soalan atau pernyataan umum tentang peranan pihak kerajaan dalam usaha meningkatkan kualiti hidup penduduk. Bahagian terakhir dalam set soalan tersebut iaitu bahagian D, merujuk pernyataan yang berkaitan dengan peranan komuniti dalam usaha meningkatkan kualiti hidup penduduk.

3.4.1 DRAF BORANG SOAL SELIDIK

Selaras dengan kerangka konsep di atas, soal selidik kajian ini mengandungi empat bahagian utama iaitu **bahagian A** mengenai faktor demografik seperti jantina, umur, taraf perkahwinan, taraf pendidikan, pendapatan bulanan, taraf pemilikan rumah, tanah dan kenderaan.

Bahagian B pula merupakan profil atau atribut penduduk yang merupakan faktor penentu kepada kesejahteraan hidup penduduk seperti berikut.

- Pendapatan, bagi mendapatkan gambaran sama ada pendapatan yang diperolehi cukup untuk menyara keluarga, juga untuk mengetahui sama ada mereka berpuas hati dengan pendapatan yang diperolehi, seterusnya sebagai perbandingan sama ada pendapatan sekarang lebih baik daripada masa lalu dan adakah mereka menjangkakan pendapatan di masa akan datang lebih baik daripada sekarang;
- Perbelanjaan, adalah untuk mengetahui sama ada keperluan perbelanjaan keluarga dapat dipenuhi sepenuhnya, juga untuk mengetahui sama ada mereka berpuas hati kemampuan berbelanja untuk keluarga, seterusnya untuk mendapat gambaran sama ada kemampuan berbelanja untuk keluarga sekarang lebih baik daripada masa lalu dan adakah mereka menjangkakan kemampuan berbelanja untuk keluarga di masa akan datang lebih baik daripada sekarang;
- Simpanan, untuk mengetahui sama ada mereka mempunyai simpanan yang cukup untuk kegunaan keluarga dan berpuas hati dengan jumlah simpanan yang ada sekarang, juga untuk mengetahui sama ada nilai simpanan yang ada sekarang ini lebih baik daripada masa lalu dan apakah mereka menjangka nilai simpanan akan bertambah pada masa depan;
- Rumah kediaman, bertujuan mengetahui sama ada rumah yang didiami sekarang dapat menampung ahli keluarga, sama ada mereka berpuas hati dengan rumah yang didiami sekarang, seterusnya untuk mengetahui sama ada rumah yang didiami sekarang lebih baik daripada yang lalu, dan adakah mereka menjangkakan keadaan rumah yang mereka diami sekeluarga bertambah baik di masa akan datang.
- Tanah, untuk mengetahui sama ada yang diduduki sekarang mampu menampung keperluan keluarga, sama ada mereka berpuas hati dengan tanah yang diduduki

sekarang dan adakah mereka menjangka akan memiliki keluasan tanah yang lebih baik daripada sekarang;

- Kenderaan, sama ada memiliki kenderaan dan berpuas hati dengan kenderaan yang ada sekarang serta apakah mereka menjangka di masa hadapan akan dapat memiliki kenderaan yang lebih baik daripada yang dimiliki sekarang;
- Kesihatan, soalan ini bertujuan mengetahui adakah responden berpuas hati dengan tahap kesihatan yang dinikmati pada masa kini, serta melihat sejauh mana tahap kesihatan tersebut penting bagi meningkatkan kualiti hidup responden.
- Pendidikan, untuk mengetahui adakah mereka berpuas hati dengan tahap pendidikan mereka, serta apakah mereka merasakan pendidikan adalah penting untuk menaikkan taraf hidup

Bahagian C pula mengandungi soalan-soalan untuk mengetahui peranan, tugas dan tanggungjawab kerajaan dalam usaha meningkatkan kesejahteraan penduduk tempatan. Berdasarkan kepada kajian lepas, jelas menunjukkan bahawa peranan kerajaan merupakan faktor penentu kepada kesejahteraan hidup penduduk dalam sesebuah kawasan. Dalam kajian ini peranan kerajaan dilihat dari segi:

- Prasarana, untuk mengetahui sama ada prasarana yang disediakan oleh kerajaan telah mencukupi atau memadai, sama ada responden berpuas hati dengan prasarana yang disediakan sekarang, atau adakah prasarana yang ada sekarang lebih baik berbanding dengan masa lalu dan seterusnya untuk mengetahui apakah mereka merasakan prasarana ini akan bertambah baik pada masa akan datang.
- Kursus dan latihan, soalan ini untuk mengetahui sama ada responden pernah mengikuti sebarang kursus atau latihan yang dikendalikan oleh kerajaan, kekerapan mengendalikan kursus itu memadai dan memuaskan hati mereka serta adakah hebatan mengenai kursus atau latihan yang dianjurkan oleh kerajaan itu menyeluruh dan diketahui oleh responden tersebut.
- Khidmat nasihat, untuk mengetahui sama ada responden tahu tentang wujudnya khidmat nasihat yang diberikan oleh pihak kerajaan, adakah mereka berpuas hati dengan khidmat nasihat yang diberi, juga untuk mengetahui sama ada khidmat nasihat yang diberi itu dapat meningkatkan taraf hidup mereka.

- Penguatkuasaan, dilihat dari segi adakah penguatkuasaan itu membantu dalam Meningkatkan kualiti hidup penduduk, serta adakah mereka berpuas hati dengan tahap penguatkuasaan, seterusnya sama ada mereka faham tentang perkara-perkara yang berhubung dengan penguatkuasaan.
- Penyelidikan dan pembangunan terhadap kualiti hidup, soalan ini untuk mengetahui sama ada responden tahu tentang wujudnya aktiviti penyelidikan dan pembangunan kualiti hidup, dan hasil daripada penyelidikan dan pembangunan tersebut memberi manfaat kepada responden atau sebaliknya.

Bahagian D dalam soal selidik ini pula mengandungi kenyataan-kenyataan yang berkaitan dengan peranan komuniti seperti dari segi keamanan dan keharmonian kampung, tali persaudaraan anggota masyarakat setempat, masalah sosial, taraf pendidikan, taraf pendapatan secara umum, kedudukan geografi kampung dan kerja-kerja kebijakan yang dilaksanakan oleh masyarakat setempat. Kajian ini ingin melihat sama ada peranan komuniti memberi kesan secara langsung atau tidak langsung kepada kesejahteraan hidup penduduk setempat.

3.5 KEBOLEHPERCAYAAN INSTRUMEN

Kebolehpercayaan instrumen ialah kajian rintis yang dijalankan dengan menggunakan data pilot di kalangan penduduk dalam kumpulan yang kecil sahaja. Tujuan menggunakan data pilot ini adalah untuk mengenalpasti masalah yang akan dihadapi atau berlaku apabila ujian sebenar dilakukan kelak. Ini juga penting dan perlu bagi memastikan kebolehpercayaan instrumen memenuhi matlamat kajian.

3.6 MERAMAL SKOR

Kaedah yang digunakan untuk meramal peningkatan kualiti hidup penduduk ialah skala likert. Dalam bahagian C dan D, instrumen setiap soalan akan meletakkan 5 pilihan jawapan. Responden perlu memilih satu daripada lima pilihan tersebut. Skala likert yang digunakan adalah seperti berikut:

1. Sangat setuju
2. Setuju
3. Tidak pasti
4. Tidak setuju
5. Sangat tidak setuju

3.7 PENGUMPULAN DATA

Data akan dikumpulkan setelah mengambil kira jawapan soal selidik yang diberikan kepada responden. Maklumat awal pula akan dilihat melalui pemerhatian terhadap gaya hidup penduduk tempatan Kuala Terengganu, di samping melihat kemudahan infrastruktur yang sedia ada di kawasan tersebut sepetimana yang telah dinyatakan oleh Mohd. Majid (1998) yang mengatakan bahawa pemerhatian merupakan satu kaedah yang digunakan untuk mengukur variabel penyelidikan di samping dapat mengamati subjek kajian.

3.8 PENGANALISISAN DATA

Analisis data pertama yang akan dilakukan ialah melihat kepada latar belakang setiap responden. Kemudian tahap kualiti hidup di kalangan penduduk dan apakah faktor-faktor yang menyebabkan penduduk tersebut ketinggalan daripada perkembangan pembangunan negara. Kajian ini juga akan menggunakan Statistik Berparameter seperti kaedah Korelasi Pearson khususnya dalam melihat signifikan antara pembolehubah-pembolehubah yang digunakan dalam kajian ini.

Dalam penganalisisan data pula, data-data yang diperolehi akan dikumpul, dikod dan dimasukkan ke dalam komputer untuk dianalisis. Untuk melihat atau menganalisis hubungan antara pembolehubah bersandar dengan pemboleuhubah bebas, pakej statistik yang digunakan ialah ‘*Statistic Package for Social Science (SPSS) for Windows*’. Aras keertian dalam kajian dianggarkan ialah 0.05 atau 5%.

3.9 KESIMPULAN

Kesimpulan daripada bab ini adalah menerangkan metodologi atau kaedah kajian secara keseluruhannya. Beberapa aspek yang akan diambil kira merangkumi reka bentuk kajian, pemilihan lokasi kajian, pemilihan populasi dan sampel kajian, instrumen kajian yang digunakan, proses pengumpulan data dan proses menganalisis data. Berdasarkan metodologi tersebut maka ia dapat membantu untuk mencapai objektif kajian yang akan dijalankan.

BAB 4

HASIL KEPUTUSAN KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Dalam bab ini menghuraikan tentang hasil atau keputusan kajian yang diperolehi dalam kajian ini. Dengan kata lain, bab ini cuba mencapai setiap objektif kajian yang dinyatakan dalam bab satu kajian ini.

Sebanyak 100 set borang soal selidik telah diedarkan kepada responden yang dipilih secara rawak dan melalui hasil yang diperolehi kesemua borang soal selidik yang diedarkan tersebut berjaya dikembalikan kepada pengkaji. Semua data yang diperolehi daripada borang soal selidik tersebut dianalisis dengan menggunakan analisis frekuensi sebagai permulaan analisis khususnya analisis yang berkaitan dengan profil demografi responden. Kemudian hasil analisis frekuensi tersebut dipersembahkan dalam bentuk jadual seperti dalam jadual 3. Bagi tujuan analisis yang lain, pengkaji telah menggunakan analisis SPSS ‘*Statistical Packages For Social Science*’ versi 15.0.

4.2 KEPUTUSAN UJIAN KEBOLEHPERCAYAAN

Ujian kebolehpercayaan boleh dilakukan dengan melihat kepada nilai alpha bagi setiap faktor yang dikaji atau diuji. Menurut Uma Sekaran 2003, jika nilai alpha bagi setiap faktor yang diuji itu mempunyai nilai alpha yang lebih tinggi daripada 0.6, maka faktor tersebut boleh diterima sebagai alat pengukuran. Jadual di bawah menunjukkan keputusan analisis kebolehpercayaan bagi setiap faktor yang digunakan dalam kajian ini.

JADUAL 2: Keputusan analisis ujian kebolehpercayaan

| Dimensi | Bilangan Item | Alpha |
|------------------------|---------------|-------|
| Profil penduduk | 28 | 0.881 |
| Peranan kerajaan | 16 | 0.886 |
| Peranan komuniti | 5 | 0.895 |
| Kualiti hidup penduduk | 44 | 0.923 |

Daripada jadual di atas, didapati bahawa nilai alpha bagi setiap pembolehubah adalah lebih daripada 0.6. Sebagai contoh, nilai alpha bagi profil penduduk, peranan kerajaan serta peranan komuniti adalah masing-masing 0.881, 0.886, dan 0.895. Keputusan ini menunjukkan bahawa kesemua pembolehubah tersebut dapat diterima sebagai pembolehubah dalam kajian ini.

4.3 MAKLUMAT DEMOGRAFI RESPONDEN

JADUAL 3: Profil demografi responden

| Profil demografi | Kategori | Kekerapan | Peratusan |
|--------------------|--------------------|-----------|-----------|
| Jantina | Lelaki | 51 | 51 |
| | Perempuan | 49 | 49 |
| Umur | Bawah 25 tahun | 46 | 46 |
| | 26 hingga 30 tahun | 27 | 27 |
| | 31 hingga 35 tahun | 12 | 12 |
| | 36 hingga 40 tahun | 4 | 4 |
| | 41 tahun ke atas | 11 | 11 |
| Status perkhawinan | Bujang | 49 | 49 |
| | Berkhawin | 51 | 51 |
| | Janda | 0 | 0 |
| | Balu | 0 | 0 |
| Tahap pendidikan | Tidak bersekolah | 0 | 0 |
| | Sekolah rendah | 3 | 3 |

| | | | |
|-------------------|--------------------|----|----|
| | Sekolah menengah | 38 | 38 |
| | Lepasan universiti | 59 | 59 |
| Pekerjaan | Sektor awam | 36 | 36 |
| | Sektor swasta | 33 | 33 |
| | Bekerja sendiri | 26 | 26 |
| | Lain-lain | 5 | 5 |
| Pendapatan | RM1000 ke bawah | 22 | 22 |
| | RM1001-RM2000 | 39 | 39 |
| | RM2001-RM3000 | 26 | 26 |
| | RM3001-RM4000 | 10 | 10 |
| | RM4001 ke atas | 3 | 3 |
| Bilangan isirumah | 0 | 2 | 2 |
| | 1 | 3 | 3 |
| | 2 | 4 | 4 |
| | 3 | 18 | 18 |
| | 4 | 10 | 10 |
| | 5 | 22 | 22 |
| | 6 | 14 | 14 |
| | 7 | 24 | 24 |
| | 8 | 3 | 3 |
| Jumlah tanggungan | 0 | 31 | 31 |
| | 1 | 7 | 7 |
| | 2 | 14 | 14 |
| | 3 | 12 | 12 |
| | 4 | 12 | 12 |
| | 5 | 11 | 11 |
| | 6 | 5 | 5 |
| | 7 | 8 | 8 |

Jadual 3 di atas menunjukkan dapatan kajian bagi profil demografi responden. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan daripada responden yang dipilih secara rawak ini terdiri daripada lelaki iaitu sebanyak 51 orang. Dalam kategori umur pula, didapati bahawa umur responden yang paling muda adalah 21 tahun dan responden yang paling tua adalah 66 tahun. Memandangkan julat antara responden yang paling muda dengan yang paling tua adalah terlalu besar, maka penyelidik telah mengkelaskan pembolehubah umur tersebut seperti dalam jadual 3 di atas. Maka berdasarkan kepada keputusan yang diperolehi, responden yang dipilih secara rawak ini kebanyakannya berumur bawah 25 tahun dengan peratusan sebanyak 25 peratus.

Dari segi taraf perkahwinan pula, didapati sebanyak 51 peratus adalah responden yang telah berkahwin dan kebanyakan daripada responden yang dipilih secara rawak ini mempunyai tahap pendidikan peringkat lepasan universiti iaitu sebanyak 59 peratus. Hal ini menyebabkan, kebanyakan daripada responden tersebut bekerja dalam sektor awam iaitu sebanyak 36 peratus, manakala responden yang bekerja dalam sektor swasta adalah sebanyak 33 peratus, dan selebihnya adalah responden yang bekerja sendiri seperti nelayan, bermiaga, menjahit dan sebagainya.

Seterusnya dalam tingkat pendapatan responden, didapati bahawa jumlah pendapatan minima responden adalah sebanyak RM500 dan jumlah pendapatan maksimum responden adalah sebanyak RM5500. Disebabkan julat antara pendapatan minima dengan maksimum responden terlalu besar, maka pengkaji telah mengkelaskan pendapatan responden seperti dalam jadual 3 di atas. Oleh yang demikian, pengkaji mendapati bahawa kebanyakan daripada responden yang dipilih secara rawak itu mempunyai jumlah pendapatan antara RM1001 hingga RM2000 sebulan.

4.4 ANALISIS KOLERASI ANTARA FAKTOR-FAKTOR PENENTU DENGAN KUALITI HIDUP PENDUDUK

Korelasi antara faktor-faktor penentu dengan kualiti hidup adalah seperti dalam lampiran hasil kajian yang disertakan. Berdasarkan kepada lampiran tersebut didapati bahawa majoriti daripada faktor-faktor bagi dimensi profil penduduk iaitu pendapatan, perbelanjaan, simpanan, rumah kediaman, keluasan tanah yang dimiliki, tahap kesihatan dan pendidikan mempunyai korelasi yang signifikan dengan kualiti hidup penduduk tersebut. Kesemua faktor tersebut adalah signifikan pada 0.01 (*2-tailed*), dalam masa yang sama kesemua faktor berkenaan mempunyai nilai yang positif. Ini menunjukkan bahawa adanya peningkatan terhadap faktor-faktor seperti pendapatan, perbelanjaan, simpanan, pendidikan, hak pemilikan rumah, hak pemilikan tanah, tahap kesihatan dan pendidikan yang seterusnya akan meningkatkan kualiti hidup masyarakat setempat.

Melalui keputusan yang diperolehi, didapati bahawa kekuatan hubungan antara faktor-faktor bagi dimensi profil penduduk dengan kualiti hidup berada pada tahap yang sederhana. Hal ini dapat dilihat melalui nilai r yang berada di antara 0.2 dengan 0.6. Misalnya nilai pekali korelasi bagi pendapatan ($r=0.467$), perbelanjaan ($r=0.556$), dan simpanan ($r=0.439$), walaupun berada dalam keadaan yang sederhana tetapi nilai pekali korelasi ini menghampiri 0.6 iaitu tahap korelasi yang kuat.

Seterusnya melalui dapatan kajian ini menunjukkan terdapat satu faktor dari profil atau atribut penduduk iaitu keluasan tanah yang dimiliki ($r=0.99$), tidak mempunyai korelasi yang signifikan dengan kesejahteraan hidup. Walau bagaimanapun nilai kolerasi tersebut adalah positif. Ini bermakna peningkatan ke atas pemilikan tanah juga mempengaruhi peningkatan kualiti atau kualiti hidup penduduk setempat.

Hubungan antara faktor-faktor bagi dimensi peranan kerajaan dengan kualiti hidup pula didapati kesemua faktor mempunyai korelasi yang amat signifikan iaitu $p < 0.01$, dengan kualiti hidup kecuali kursus dan latihan yang dijalankan oleh kerajaan di mana nilai kolerasinya amat rendah iaitu ($r=0.019$). Daripada faktor-faktor dimensi kerajaan yang mempunyai korelasi yang signifikan, didapati bahawa faktor khidmat nasihat dan penguatkuasaan oleh pihak kerajaan mempunyai nilai kolerasi yang kuat

dengan kualiti hidup, di mana nilai pekali kolerasinya masing-masing adalah 0.451 dan 0.565. Untuk keputusan kajian yang lebih terperinci, maklumat tersebut boleh dilihat dalam lampiran kajian ini.

4.5 ANALISIS MENGENAI PERANAN KOMUNITI SEBAGAI MODERATOR HUBUNGAN ANTARA FAKTOR PENENTU DENGAN KUALITI HIDUP PENDUDUK

JADUAL 4: Kolerasi separa antara profil penduduk, peranan kerajaan dengan kualiti hidup

| Dimensi/faktor | Kolerasi sifar | Kolerasi separa |
|-------------------------|----------------|-----------------|
| Profil penduduk | | |
| Pendapatan | 0.467 | 0.387 |
| Perbelanjaan | 0.556 | 0.464 |
| Simpanan | 0.439 | 0.385 |
| Rumah kediaman | 0.147 | 0.073 |
| Tanah yang dimiliki | 0.099 | 0.051 |
| Kesihatan | 0.208 | 0.188 |
| Pendidikan | 0.132 | 0.156 |
| Peranan kerajaan | | |
| Prasarana | 0.087 | 0.023 |
| Kursus dan latihan | 0.019 | -0.008 |
| Khidmat nasihat | 0.451 | 0.209 |
| Penguatkuasaan | 0.565 | 0.188 |

* Kolerasi separa apabila peranan komuniti dikawal

Berdasarkan kepada kerangka konsep kajian ini ditentukan bahawa dimensi profil penduduk serta dimensi peranan kerajaan merupakan penentu kepada kesejahteraan atau peningkatan kualiti hidup penduduk, manakala peranan komuniti pula dianggap sebagai *moderator* kepada hubungan antara faktor penentu dengan kualiti hidup.

Untuk melihat peranan *moderator* dalam hubungan faktor penentu dengan kualiti hidup, analisis korelasi separa dijalankan dengan mengawal faktor peranan komuniti. Maklumat mengenai analisis korelasi separa adalah seperti dalam Jadual 4 di atas. Analisis kolerasi separa tersebut dilakukan untuk bertindak sebagai penyeimbang bagi pengaruh pihak kerajaan dan peranan komuniti dalam meningkatkan kualiti hidup penduduk setempat. Ini bermaksud, untuk memastikan peningkatan kualiti hidup yang stabil, peranan kerajaan serta peranan komuniti harus dikawal agar tidak ada pihak yang lebih berkuasa untuk mempengaruhi peningkatan kualiti hidup bagi mengelakkan pembangunan kualiti hidup yang tidak seimbang dalam masyarakat. Dalam hal ini, peranan komuniti telah ditentukan sebagai *moderator* bagi mengawal pengaruh pihak kerajaan dan pihak komuniti dalam usaha meningkatkan kualiti hidup penduduk setempat.

Hasil daripada analisis korelasi separa bagi setiap faktor penentu dengan kesejahteraan hidup didapati bahawa peranan komuniti sebagai *moderator* atau menyederhanakan hubungan antara faktor penentu dengan kesejahteraan hidup ternyata dapat menyeimbangkan pengaruh antara faktor penentu terhadap pembolehubah bersandar iaitu peningkatan kualiti hidup penduduk. Misalnya nilai korelasi sifar bagi faktor pendapatan telah menurun daripada 0.467 kepada 0.387 apabila faktor peranan komuniti dikawal menunjukkan bahawa peranan komuniti telah mempengaruhi kedua-dua pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar. Ini bermakna faktor peranan komuniti berfungsi sebagai *moderator* kepada hubungan antara pendapatan dengan kualiti hidup. Begitu juga bagi faktor dalam dimensi profil penduduk yang lain seperti perbelanjaan, simpanan, rumah kediaman, tanah yang dimiliki, serta kesihatan didapati mempunyai nilai pekali korelasi yang menurun apabila peranan komuniti dikawal. Ini menunjukkan peranan komuniti mempengaruhi kedua-dua pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar.

Manakala faktor pendidikan penduduk didapati mempunyai nilai pekali korelasi yang meningkat apabila faktor peranan komuniti dikawal. Justeru itu dalam hubungan ini peranan komuniti mempengaruhi pembolehubah bersandar sahaja iaitu kualiti hidup penduduk tersebut.

Bagi faktor-faktor dalam dimensi peranan kerajaan pula, didapati bahawa faktor-faktor seperti penyediaan prasarana, kursus dan latihan, khidmat nasihat, serta penguatkuasaan yang dilakukan, mempunyai nilai pekali korelasi yang lebih rendah daripada nilai pekali sifar apabila peranan komuniti dikawal. Misalnya nilai pekali sifar bagi penyediaan prasarana telah menurun daripada 0.087 menjadi 0.023, ini menunjukkan peranan komuniti telah berfungsi sebagai *moderator* yang mempengaruhi pembolehubah bebas (prasarana) sebagai faktor penentu dan pembolehubah bersandar iaitu kualiti hidup.

Begitu juga dengan faktor dimensi peranan kerajaan yang lain di mana nilai pekali kolerasinya lebih rendah daripada kolerasi sifar apabila peranan komuniti berfungsi sebagai *moderator* kepada pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar.

4.6 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, hasil atau dapatan kajian yang diperolehi sedikit sebanyak telah dapat mengenalpasti apakah faktor-faktor yang mempengaruhi peningkatan kualiti hidup penduduk dalam sesuatu kawasan. Secara umumnya, faktor peningkatan kauliti hidup tersebut dibahagikan kepada tiga bahagian yang utama iaitu, profil penduduk itu sendiri, peranan pihak kerajaan serta peranan komuniti setempat dalam usaha meningkatkan kualiti hidup penduduk setempat.

Hasil daripada analisis kolerasi yang dilakukan terhadap pembolehubah bebas dengan pembolehubah bersandar menunjukkan bahawa profil penduduk seperti, pendapatan, jumlah perbelanjaan, simpanan, kesihatan dan sebagainya mempunyai hubungan yang signifikan dengan peningkatan kualiti hidup penduduk.

Selain itu, peranan pihak kerajaan juga didapati sangat penting dalam meningkatkan kualiti hidup penduduk dalam sesebuah negeri. Hal ini dapat dilihat khususnya dalam bidang khidmat nasihat serta penguatkuasaan oleh pihak kerajaan. Seterusnya, peranan komuniti dalam kajian ini berfungsi sebagai *moderator* kepada pembolehubah bebas dengan pembolehubah bersandar.

BAB 5

RUMUSAN KAJIAN DAN IMPLIKASI DASAR

5.1 PENGENALAN

Kemajuan menyeluruh ekonomi negara dapat dilihat daripada peningkatan kualiti hidup penduduk di peringkat negeri. Ini adalah hasil daripada pelbagai strategi yang dilaksanakan di peringkat pusat dan negeri. Strategi pembangunan seimbang yang dilaksanakan oleh Kerajaan di bawah Dasar Pembangunan Nasional (DPN), (1991-2000) turut menyumbang ke arah pencapaian objektif mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan agihan pendapatan di samping meningkatkan kualiti hidup penduduk di peringkat negeri. Dasar Wawasan Negara (2001-2010) terus menekankan kepada strategi pembangunan seimbang dengan meningkatkan usaha mempelbagaikan asas ekonomi negeri-negeri yang berkembang perlahan kepada sektor pembuatan dan perkhidmatan. Oleh yang demikian, bagi melengkapkan usaha ini, kerajaan negeri juga turut melaksanakan dasar dan strategi masing-masing untuk meningkatkan kualiti hidup penduduknya.

Bab ini akan membincangkan tentang kesimpulan kajian, serta cadangan untuk memperbaiki dasar yang sedia ada khususnya yang berkaitan dengan peningkatan kualiti hidup dalam sesebuah negeri.

5.2 RUMUSAN HASIL KAJIAN

5.2.1 Analisis terhadap demografi responden

Bilangan sampel yang digunakan dalam kajian ini adalah seramai 100 orang responden yang dipilih secara rawak daripada penduduk Negeri Terengganu. Kebanyakan daripada responden yang diperolehi adalah lelaki iaitu sebanyak 51 orang. Daripada hasil kajian, didapati umur responden yang paling muda adalah 21 tahun manakala umur yang paling tua adalah 66 tahun. Selain itu, hasil kajian juga mendapati bahawa sebanyak 51 peratus daripada responden tersebut telah berkahwin. Dari segi pendidikan pula kebanyakan daripada responden tersebut adalah lepasan universiti iaitu sebanyak 59 peratus. Hal ini menyebabkan kebanyakan daripada responden tersebut bekerja dalam sektor awam iaitu sebanyak 36 peratus dan selebihnya adalah responden yang bekerja dalam sektor swasta dan bekerja sendiri. Dalam tingkat pendapatan pula, didapati bahawa kebanyakkan daripada responden tersebut mempunyai tingkat pendapatan antara RM1001 hingga RM200 sebulan.

5.2.2 Analisis terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi peningkatan kualiti hidup

Pada awal kajian, faktor peningkatan kualiti hidup tersebut dibahagikan kepada tiga bahagian yang utama iaitu, profil penduduk itu sendiri, peranan kerajaan, serta peranan komuniti.

Daripada hasil kajian, didapati bahawa faktor profil responden yang terdiri daripada pendapatan, perbelanjaan, simpanan, rumah kediaman, keluasan tanah yang dimiliki, tahap kesihatan dan pendidikan mempunyai korelasi yang signifikan dengan kualiti hidup penduduk tersebut. Ini bermakna, peningkatan kualiti hidup tersebut dipengaruhi oleh peningkatan profil penduduk itu sendiri. Sebagai contoh, untuk memastikan kualiti hidup yang tinggi atau baik, tingkat pendapatan, kesihatan serta pendidikan harus ditingkatkan.

Selain itu, hasil kajian juga mendapati bahawa peranan kerajaan juga sangat penting dalam mempengaruhi peningkatan kualiti hidup penduduk setempat. Ini termasuklah penyediaan prasarana, kursus dan latihan, khidmat nasihat, serta

penguatkuasaan daripada pihak kerajaan perlu dipertingkatkan untuk menjamin kualiti hidup yang baik dalam sesebuah negeri. Di samping itu, peranan komuniti dalam kajian ini berfungsi sebagai *moderator* bagi pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar dalam kajian ini.

Oleh yang demikian dapat disimpulkan bahawa, peningkatan kualiti hidup dalam sesebuah negeri banyak dipengaruhi oleh profil penduduk itu sendiri disamping peranan kerajaan sebagai pemangkin kepada peningkatan kualiti hidup tersebut.

5.3 IMPLIKASI DASAR DAN CADANGAN

Dalam usaha untuk mempertingkatkan tahap kualiti hidup terdapat dua pihak yang terlibat secara langsung iaitu individu itu sendiri dan kerajaan. Justeru kajian ini menyenaraikan faktor-faktor yang mempengaruhi kesejahteraan hidup mengikut dimensi profil penduduk dan peranan kerajaan.

Bagi dimensi profil penduduk, faktor yang harus diberi perhatian yang serius ialah pendapatan, pendidikan, rumah kediaman, simpanan, perbelanjaan dan tanah yang dimiliki. Bagi dimensi peranan kerajaan pula harus dititikberatkan kepada kursus dan latihan, khidmat nasihat, serta penyediaan prasarana.

Walaupun dapatan kajian ini membahagikan kesejahteraan hidup mengikut dimensi profil penduduk dan peranan kerajaan tetapi kedua-duanya mempunyai hubungkait yang kuat di antara satu sama lain seperti ditunjukkan dalam lampiran bagi hasil analisis kolerasi yang dilakukan terhadap faktor-faktor peningkatan kualiti hidup. Misalnya pendapatan mempunyai korelasi yang positif dan signifikan dengan faktor peranan kerajaan seperti faktor kursus dan latihan, serta prasarana yang disediakan. Begitu juga dengan pendidikan mempunyai korelasi yang positif dengan faktor-faktor peranan kerajaan. Oleh yang demikian, pihak kerajaan perlu meningkatkan kualiti hidup di kalangan masyarakat setempat menerusi usaha berikut:

- ❖ Meningkatkan program kursus dan latihan kepada penduduk dengan mengambilkira bilangan kursus dan latihan, hebahan yang sampai kepada kumpulan sasar, kandungan dan pendekatan kursus dan harus sentiasa membuat penilaian keberkesanan bagi setiap kursus yang dijalankan;
- ❖ Memperbanyakkan dan permudahkan khidmat nasihat kepada para peduduk khususnya yang berkaitan dengan kualiti hidup. Ini bermaksud menambah bilangan khidmat nasihat serta menambah tempat atau pusat untuk mendapatkan khidmat nasihat. Dengan ini masyarakat setempat yang mempunyai masalah akan lebih mudah untuk bertemu dengan para pegawai yang terlibat untuk mendapatkan nasihat. Dalam masa yang sama para pegawai harus sentiasa turun padang untuk memberi penerangan dan juga nasihat-nasihat semasa yang difikirkan perlu;
- ❖ Menjaga prasarana yang sedia ada, meningkatkan kualiti prasarana yang sedia ada dan seterusnya menambahkan bilangan dan jenis prasarana supaya lebih baik daripada yang sebelumnya.
- ❖ Menggalakkan penglibatan semua pihak dalam usaha meningkatkan tahap kualiti hidup. Termasuklah pihak kerajaan, pihak swasta, badan bukan kerajaan (NGO), serta masyarakat itu sendiri.
- ❖ Pihak kerajaan disarankan supaya melakukan pemantauan yang lebih efektif terhadap setiap dasar yang dilaksanakan di bawah Dasar Pembangunan Negara, untuk memastikan keberkesanan dalam setiap dasar tersebut.
- ❖ Mempergiatkan kempen yang berkaitan dengan kepentingan menjaga dan meningkatkan kualiti hidup. Tujuan kempen tersebut adalah untuk meningkatkan tahap kesedaran dalam diri masyarakat tentang kepentingan menghargai kehidupan yang dianugerahkan oleh yang maha esa.

Walaupun cadangan-cadangan tersebut lebih menjurus kepada peranan yang harus dimainkan oleh pihak kerajaan tetapi kejayaan sesuatu program kerajaan harus disambut dengan penuh pengertian oleh masyarakat setempat. Ini bermakna para penduduk harus bersedia dan sanggup berusaha memajukan diri sendiri agar kualiti hidup mereka akan bertambah baik.

Memandangkan terdapatnya korelasi yang positif di antara faktor-faktor peranan kerajaan dan faktor-faktor profil penduduk adalah dijangkakan apabila kerajaan meningkatkan peranannya melalui peningkatan program-program yang dibincangkan di atas. Pada masa yang sama, para penduduk akan berusaha menambah pengetahuan, meningkatkan pelbagai aktiviti ekonomi supaya pendapatan bertambah, mengurus perbelanjaan dengan baik yang diharapkan dapat meningkatkan simpanan dan seterusnya mampu memiliki rumah kediaman serta menambah saiz tapak tanah yang dimiliki.

5.4 KESIMPULAN

Berdasarkan kepada hasil kajian yang diperolehi, dapat disimpulkan bahawa usaha untuk meningkatkan kualiti hidup bukan usaha kerajaan semata-mata.tetapi ia adalah tanggungjawab semua pihak termasuklah individu itu sendiri serta peranan komuniti yang tinggal bersama dalam sesebuah kawasan atau negeri.

Jika dilihat dalam keadaan Malaysia pada hari ini, telah banyak usaha yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan yang sememangnya bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup. Sebagai contoh, pelaksanaan dasar pembangunan negara seperti Dasar Pendidikan Kebangsaan, Dasar Pembangunan Nasional, Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam dan sebagainya dirangka untuk tujuan meningkatkan kualiti hidup.

Namun jika usaha kerajaan tersebut tidak dihargai oleh penduduk setempat sudah tentu objektif yang digariskan dalam setiap dasar tersebut tidak tercapai. Oleh yang demikian, sebagai masyarakat yang tinggal bersama dalam sebuah negeri, haruslah bersama melangkah ke hadapan dengan satu niat iaitu membina warga yang bersatu-padu untuk mencapai sebuah negara yang aman dan harmoni. Dengan itu, matlamat murni Misi Nasional untuk mencapai pembangunan yang lebih pesat supaya semua lapisan masyarakat dapat meraih kesejahteraan dan menikmati kualiti hidup yang lebih tinggi akan tercapai juga.

SENARAI RUJUKAN

- Renwick, R., (2006), The quality life model, <http://www.utoronto.ca/qol/concept.htm>, pada 25/1/2006.
- Norizan Abdul Ghani, (2003). Kualiti hidup penduduk pulau Negeri Terengganu: Satu kajian di Pulau Redang dan Pulau Perhentian, Tesis Ph.D, Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia.
- Laporan indeks kualiti hidup penduduk Malaysia, (2007).
- Abdullah Ahmad Badawi, (2007), kata alu-aluan dalam laporan indeks kualiti hidup pendudukMalaysia. <http://www.epu.jpm.my>
- Dato' Mustapa Bin Mohamed dalam ucapan laporan kualiti hidup Malaysia, (2007) <http://www.epu.jpm.my>
- Yang Amat Berhormat Dato Sri Abdullah Bin Hj. Ahmad Badawi, ucapan dalam pembentangan bajet, (2008) <http://www.epu.jpm.my>
- Siti Fatimah Abdul Rahman, (2006). Kriteria kualiti hidup berkeluarga, <http://www.ikim.gov.my/bm/paparmedia.php>
- Pollnac, R.B, Pomeroy, R.S, and Harkes, I.H.T., (2001). Fishery policy and job satisfaction in three Southeast Asian fisheries, *Ocean and Coastal Management* 44: 531-544.
- Li Liu (2006). Quality of life as a social representation in China: A qualitative study, *Social Indicators Research*, 75(2): 217-240.
- Nieboer, A., Lindenberg, S., Boomsma, A. and Van Bruggen, A.C., (2005). Dimensions of well-being and their measurement: The spf-II scale, *Social Indicators Research*, 73(3): 313-353.
- Brijesh C. Purohit, Health and human development at sub-state level in India (2007).
- George R. Franke. S. Scott Nadler (2008). Culture, economic development, and national ethical attitudes.
- David Mayer-Foulkes, (2007). The Human Development Trap in Mexico.

Sekaran, U., (2003), *Research method for business: A skill building approach*, 4th ed. New York: John Willey & Sons.

Gatewood, J.B. and McCay, B. (1990). Comparison of job satisfaction in six New Jersey Fisheries, *Human Organization*, 49 (1): 14-25.

Unit Perancang Ekonomi (2007). Usaha ke arah peningkatan kualiti hidup, *Kualiti hidup Malaysia 07*, Jabatan Perdana Menteri Malaysia, Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad.

Dasar pembangunan Negara, (2007)

Pedoman penulisan tesis, (2006)

SENARAI LAMPIRAN

1. Hasil analisis kolerasi terhadap faktor profil penduduk serta peranan kerajaan

```
GET  
FILE="C:\Users\WEALL\Desktop\thesis=2'nd draf\data SPSS\k-in data.sav".  
DATASET NAME DataSet1 WINDOW=FRONT.  
CORRELATIONS  
/VARIABLES=Kepuasan.terhadap.kualiti.hidup.sekarang  
Jumlah.pendapatan.secara.keseluruhan.adalah.memuaskan  
Perbelanjaan.secara.keseluruhan.adalah.memuaskan  
Jumlah.simpanan.adalah.memuaskan Rumah.kediaman.adalah.memuaskan  
Tanah.yang.dimiliki.adalah.memuaskan Kesihatan.adalah.memuaskan  
Tahap.pendidikan.adalah.memuaskan Prasarana.yang.disediakan.memuaskan  
Kursus.dan.latihan.oleh.kerajaa.memuaskan  
Khidmat.nasihat.oleh.kerajaan.memuaskan  
Penguatkuasaan.oleh.kerajaan.memuaskan  
/PRINT=TWOTAIL NOSIG  
/MISSING=PAIRWISE .
```

Correlations

Notes

| | | |
|------------------------|--------------------------------|--|
| Output Created | | 17-MAR-2009 20:29:11 |
| Comments | | |
| Input | Data | C:\Users\WEALL\Desktop\thesis=2'nd draf\data SPSS\k-in data.sav |
| | Active Dataset | DataSet1 |
| | Filter | <none> |
| | Weight | <none> |
| | Split File | <none> |
| | N of Rows in Working Data File | 101 |
| Missing Value Handling | Definition of Missing | User-defined missing values are treated as missing. |
| | Cases Used | Statistics for each pair of variables are based on all the cases with valid data for that pair. |
| Syntax | | CORRELATIONS /VARIABLES=Kepuasan.terhadap. kualiti.hidup.sekarang Jumlah.pendapatan.secara. keseluruhan.adalah.memuaskan Perbelanjaan.secara.keseluruhan. adalah.memuaskan Jumlah.simpanan.adalah. memuaskan Rumah.kediaman. adalah.memuaskan Tanah.yang.dimiliki.adalah. memuaskan Kesihatan.adalah. memuaskan Tahap.pendidikan.adalah. memuaskan Prasarana.yang. disediakan.memuaskan Kursus.dan.latihan.oleh.kerajaan. memuaskan Khidmat.nasihat.oleh.kerajaan. memuaskan Penguatkuasaan.oleh.kerajaan. memuaskan /PRINT=TWOTAIL NOSIG /MISSING=PAIRWISE . |
| Resources | Elapsed Time | 0:00:00.11 |
| | Processor Time | 0:00:00.05 |

[DataSet1] C:\Users\WEALL\Desktop\thesis=2'nd draf\data SPSS\k-in data.sav

Correlations

| | | Kepuasan. terhadap. kualiti.hidup. sekarang | Jumlah. pendapatan. secara. keseluruhan. adalah. memuaskan | Perbelanjaan. secara. keseluruhan. adalah. memuaskan |
|---|---------------------|---|--|--|
| Kepuasan.terhadap. kualiti.hidup.sekarang | Pearson Correlation | 1 | .467** | .556** |
| | Sig. (2-tailed) | | .000 | .000 |
| | N | 100 | 100 | 100 |
| Jumlah.pendapatan. secara.keseluruhan. adalah.memuaskan | Pearson Correlation | .467** | 1 | .769** |
| | Sig. (2-tailed) | .000 | | .000 |
| | N | 100 | 100 | 100 |
| Perbelanjaan.secara. keseluruhan.adalah. memuaskan | Pearson Correlation | .556** | .769** | 1 |
| | Sig. (2-tailed) | .000 | .000 | |
| | N | 100 | 100 | 100 |
| Jumlah.simpanan.adalah. memuaskan | Pearson Correlation | .439** | .483** | .481** |
| | Sig. (2-tailed) | .000 | .000 | .000 |
| | N | 100 | 100 | 100 |
| Rumah.kediaman.adalah. memuaskan | Pearson Correlation | .147 | .261** | .335** |
| | Sig. (2-tailed) | .146 | .009 | .001 |
| | N | 100 | 100 | 100 |
| Tanah.yang.dimiliki. adalah.memuaskan | Pearson Correlation | .099 | .182 | .274** |
| | Sig. (2-tailed) | .328 | .070 | .006 |
| | N | 100 | 100 | 100 |
| Kesihatan.adalah. memuaskan | Pearson Correlation | .208* | .401** | .462** |
| | Sig. (2-tailed) | .038 | .000 | .000 |
| | N | 100 | 100 | 100 |
| Tahap.pendidikan.adalah. memuaskan | Pearson Correlation | .132 | .179 | .212* |
| | Sig. (2-tailed) | .189 | .074 | .034 |
| | N | 100 | 100 | 100 |
| Prasarana.yang. disediakan.memuaskan | Pearson Correlation | .087 | .118 | .289** |
| | Sig. (2-tailed) | .389 | .242 | .004 |
| | N | 100 | 100 | 100 |
| Kursus.dan.latihan.oleh. kerajaan.memuaskan | Pearson Correlation | .019 | -.113 | -.054 |
| | Sig. (2-tailed) | .850 | .262 | .595 |
| | N | 100 | 100 | 100 |
| Khidmat.nasihat.oleh. kerajaan.memuaskan | Pearson Correlation | .251* | .178 | .222* |
| | Sig. (2-tailed) | .012 | .077 | .027 |
| | N | 100 | 100 | 100 |
| Penguatkuasaan.oleh. kerajaan.memuaskan | Pearson Correlation | .165 | .134 | .191 |
| | Sig. (2-tailed) | .101 | .183 | .057 |
| | N | 100 | 100 | 100 |

Correlations

| | | Jumlah. simpanan. adalah. memuaskan | Rumah. kediaman. adalah. memuaskan | Tanah.yang. dimiliki.adalah. memuaskan |
|---|---------------------|--|---|--|
| Kepuasan.terhadap. kualiti.hidup.sekarang | Pearson Correlation | .439** | .147 | .099 |
| | Sig. (2-tailed) | .000 | .146 | .328 |
| | N | 100 | 100 | 100 |
| Jumlah.pendapatan. secara.keseluruhan. adalah.memuaskan | Pearson Correlation | .483** | .261** | .182 |
| | Sig. (2-tailed) | .000 | .009 | .070 |
| | N | 100 | 100 | 100 |
| Perbelanjaan.secara. keseluruhan.adalah. memuaskan | Pearson Correlation | .481** | .335** | .274** |
| | Sig. (2-tailed) | .000 | .001 | .006 |
| | N | 100 | 100 | 100 |
| Jumlah.simpanan.adalah. memuaskan | Pearson Correlation | 1 | .132 | .368** |
| | Sig. (2-tailed) | | .191 | .000 |
| | N | 100 | 100 | 100 |
| Rumah.kediaman.adalah. memuaskan | Pearson Correlation | .132 | 1 | .297** |
| | Sig. (2-tailed) | .191 | | .003 |
| | N | 100 | 100 | 100 |
| Tanah.yang.dimiliki. adalah.memuaskan | Pearson Correlation | .368** | .297** | 1 |
| | Sig. (2-tailed) | .000 | .003 | |
| | N | 100 | 100 | 100 |
| Kesihatan.adalah. memuaskan | Pearson Correlation | .331** | .283** | .126 |
| | Sig. (2-tailed) | .001 | .004 | .212 |
| | N | 100 | 100 | 100 |
| Tahap.pendidikan.adalah. memuaskan | Pearson Correlation | .484** | .053 | .276** |
| | Sig. (2-tailed) | .000 | .597 | .005 |
| | N | 100 | 100 | 100 |
| Prasarana.yang. disediakan.memuaskan | Pearson Correlation | .215* | .294** | .064 |
| | Sig. (2-tailed) | .032 | .003 | .529 |
| | N | 100 | 100 | 100 |
| Kursus.dan.latihan.oleh. kerajaa.memuaskan | Pearson Correlation | .110 | -.102 | -.010 |
| | Sig. (2-tailed) | .278 | .312 | .924 |
| | N | 100 | 100 | 100 |
| Khidmat.nasihat.oleh. kerajaan.memuaskan | Pearson Correlation | .284** | .003 | .205* |
| | Sig. (2-tailed) | .004 | .978 | .040 |
| | N | 100 | 100 | 100 |
| Penguatkuasaan.oleh. kerajaan.memuaskan | Pearson Correlation | .290** | .148 | .333** |
| | Sig. (2-tailed) | .003 | .141 | .001 |
| | N | 100 | 100 | 100 |

Correlations

| | | Kesihatan. adalah. memuaskan | Tahap. pendidikan. adalah. memuaskan | Prasarana. yang. disediakan. memuaskan |
|---|---------------------|------------------------------------|---|---|
| Kepuasan.terhadap. kualiti.hidup.sekarang | Pearson Correlation | .208* | .132 | .087 |
| | Sig. (2-tailed) | .038 | .189 | .389 |
| | N | 100 | 100 | 100 |
| Jumlah.pendapatan. secara.keseluruhan. adalah.memuaskan | Pearson Correlation | .401** | .179 | .118 |
| | Sig. (2-tailed) | .000 | .074 | .242 |
| | N | 100 | 100 | 100 |
| Perbelanjaan.secara. keseluruhan.adalah. memuaskan | Pearson Correlation | .462** | .212* | .289** |
| | Sig. (2-tailed) | .000 | .034 | .004 |
| | N | 100 | 100 | 100 |
| Jumlah.simpanan.adalah. memuaskan | Pearson Correlation | .331** | .484** | .215* |
| | Sig. (2-tailed) | .001 | .000 | .032 |
| | N | 100 | 100 | 100 |
| Rumah.kediaman.adalah. memuaskan | Pearson Correlation | .283** | .053 | .294** |
| | Sig. (2-tailed) | .004 | .597 | .003 |
| | N | 100 | 100 | 100 |
| Tanah.yang.dimiliki. adalah.memuaskan | Pearson Correlation | .126 | .276** | .064 |
| | Sig. (2-tailed) | .212 | .005 | .529 |
| | N | 100 | 100 | 100 |
| Kesihatan.adalah. memuaskan | Pearson Correlation | 1 | .135 | .027 |
| | Sig. (2-tailed) | | .181 | .790 |
| | N | 100 | 100 | 100 |
| Tahap.pendidikan.adalah. memuaskan | Pearson Correlation | .135 | 1 | .356** |
| | Sig. (2-tailed) | .181 | | .000 |
| | N | 100 | 100 | 100 |
| Prasarana.yang. disediakan.memuaskan | Pearson Correlation | .027 | .356** | 1 |
| | Sig. (2-tailed) | .790 | .000 | |
| | N | 100 | 100 | 100 |
| Kursus.dan.latihan.oleh. kerajaa.memuaskan | Pearson Correlation | .016 | .276** | .064 |
| | Sig. (2-tailed) | .878 | .005 | .525 |
| | N | 100 | 100 | 100 |
| Khidmat.nasihat.oleh. kerajaan.memuaskan | Pearson Correlation | .054 | .396** | .085 |
| | Sig. (2-tailed) | .592 | .000 | .399 |
| | N | 100 | 100 | 100 |
| Penguatkuasaan.oleh. kerajaan.memuaskan | Pearson Correlation | -.013 | .505** | .257** |
| | Sig. (2-tailed) | .899 | .000 | .010 |
| | N | 100 | 100 | 100 |

Correlations

| | | Kursus.dan. latihan.oleh. kerajaa. memuaskan | Khidmat. nasihat.oleh. kerajaan. memuaskan | Penguatkuas aan.oleh. kerajaan. memuaskan |
|---|---------------------|---|---|--|
| Kepuasan.terhadap. kualiti.hidup.sekarang | Pearson Correlation | .019 | .251* | .165 |
| | Sig. (2-tailed) | .850 | .012 | .101 |
| | N | 100 | 100 | 100 |
| Jumlah.pendapatan. secara.keseluruhan. adalah.memuaskan | Pearson Correlation | -.113 | .178 | .134 |
| | Sig. (2-tailed) | .262 | .077 | .183 |
| | N | 100 | 100 | 100 |
| Perbelanjaan.secara. keseluruhan.adalah. memuaskan | Pearson Correlation | -.054 | .222* | .191 |
| | Sig. (2-tailed) | .595 | .027 | .057 |
| | N | 100 | 100 | 100 |
| Jumlah.simpanan.adalah. memuaskan | Pearson Correlation | .110 | .284** | .290** |
| | Sig. (2-tailed) | .278 | .004 | .003 |
| | N | 100 | 100 | 100 |
| Rumah.kediaman.adalah. memuaskan | Pearson Correlation | -.102 | .003 | .148 |
| | Sig. (2-tailed) | .312 | .978 | .141 |
| | N | 100 | 100 | 100 |
| Tanah.yang.dimiliki. adalah.memuaskan | Pearson Correlation | -.010 | .205* | .333** |
| | Sig. (2-tailed) | .924 | .040 | .001 |
| | N | 100 | 100 | 100 |
| Kesihatan.adalah. memuaskan | Pearson Correlation | .016 | .054 | -.013 |
| | Sig. (2-tailed) | .878 | .592 | .899 |
| | N | 100 | 100 | 100 |
| Tahap.pendidikan.adalah. memuaskan | Pearson Correlation | .276** | .396** | .505** |
| | Sig. (2-tailed) | .005 | .000 | .000 |
| | N | 100 | 100 | 100 |
| Prasarana.yang. disediakan.memuaskan | Pearson Correlation | .064 | .085 | .257** |
| | Sig. (2-tailed) | .525 | .399 | .010 |
| | N | 100 | 100 | 100 |
| Kursus.dan.latihan.oleh. kerajaa.memuaskan | Pearson Correlation | 1 | .470** | .387** |
| | Sig. (2-tailed) | | .000 | .000 |
| | N | 100 | 100 | 100 |
| Khidmat.nasihat.oleh. kerajaan.memuaskan | Pearson Correlation | .470** | 1 | .417** |
| | Sig. (2-tailed) | .000 | | .000 |
| | N | 100 | 100 | 100 |
| Penguatkuasaan.oleh. kerajaan.memuaskan | Pearson Correlation | .387** | .417** | 1 |
| | Sig. (2-tailed) | .000 | .000 | |
| | N | 100 | 100 | 100 |

**. Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

*. Correlation is significant at the 0.05 level (2-tailed).

**ANALISIS TERHADAP PENINGKATAN KUALITI HIDUP PENDUDUK NEGERI TERENGGANU - WALTER
GURUWAK**